

## [THE ROLE OF SHEIKH ABDULLAH FAHIM IN EDUCATION AND POLITICS OF MALAY SOCIETY]

### PERANAN SHEIKH ABDULLAH FAHIM DALAM PENDIDIKAN DAN POLITIK MASYARAKAT MELAYU

*Ermy Azziaty Rozali*

ermy@ukm.edu.my (Corresponding Author)

Institute of Islam Hadhari; and

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization

Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Ameer Yuwsuef Khan Zubair Khan*

amerkhan1297@gmail.com

Institute of Islam Hadhari, National University of Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Syaidatun Nazirah Abu Zahrin*

syaidatun@ukm.edu.my

Pusat Pengajian Citra Universiti; and

Institute of Islam Hadhari, National University of Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

#### Abstrak

Artikel ini membincangkan peranan Sheikh Abdullah Fahim dalam pendidikan bangsa Melayu dan semangat cintakan tanah air pada sekitar tahun 1916-1957. Sheikh Abdullah Fahim merupakan seorang ulama yang telah memainkan peranan penting dalam memberi nafas baru pada sistem pengajian pondok dan madrasah. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam ilmu falak serta mempunyai pemikiran politik yang tersendiri. Usaha menentang penjajah di Tanah Melayu yang ditonjolkan beliau berakar umbi daripada mesej kemerdekaan yang dibawa oleh Islam. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis peranan Sheikh Abdullah Fahim dalam memupuk semangat kebangsaan dan politik dalam kalangan masyarakat Melayu. Metode kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dengan menganalisis maklumat daripada sumber rujukan yang berkaitan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peranan Sheikh Abdullah Fahim dalam memupuk semangat kebangsaan dapat dilihat melalui usaha-usaha beliau mendidik anak bangsa dan penglibatan beliau dalam politik sebelum kemerdekaan. Beliau juga menekankan kepentingan bangsa Melayu untuk bersatu sebagai sebuah entiti yang digeruni serta memperlihatkan sifat kepimpinan mengikut garis panduan Islam.

**Kata kunci:** *Sheikh Abdullah Fahim, pendidikan, politik, masyarakat Melayu*

#### Abstract

*This article discusses the role of Sheikh Abdullah Fahim in the education of Malay society and the spirit of patriotism around 1916-1957. Sheikh Abdullah Fahim is a scholar who has played an important role in enhancing the education of pondok and madrasah. He also has expertise in science astronomy as well as having its own political thinking. The efforts against the colonialists in Malaya that he highlighted were rooted in the message of independence brought by Islam. Therefore, the objective of this study is to analyze the role of Sheikh Abdullah Fahim in fostering national spirit among the community. This analysis is done through an examination of the legacy*

*and treasures of thought left by him. Research methodology based on qualitative study, data collection by analyzing information from relevant reference sources. The findings of this study show that the role of Sheikh Abdullah Fahim in nurturing the national spirit can be seen through his efforts to educate the nation and his involvement in politics before independence.*

**Keyword:** *Sheikh Abdullah Fahim, education, politic, Malay Society*

*Article Received:*  
30 November 2021

*Article Reviewed:*  
30 December 2021

*Article Published:*  
31 December 2021

## PENGENALAN

Kewujudan ulama dalam kalangan masyarakat telah menyumbang kepada transformasi pendidikan masyarakat Melayu. In kerana Islam merupakan agama yang mementingkan pengembangan intelektual umat manusia. Perkara ini dapat dilihat daripada usaha para ulama dalam mengembangkan institusi pondok dan kegiatan mendidik masyarakat. Sheikh Abdullah Fahim merupakan antara ulama yang tersohor dalam menghidupkan budaya ilmu. Beliau merupakan seorang yang arif dalam pelbagai bidang khususnya ilmu falak dan bahasa Arab (Zulkiple et al., 2006: 5).

Sheikh Abdullah Fahim juga menekuni ilmu politik Islam dan antarabangsa. Ini menunjukkan keterbukaan pemikiran beliau dalam mendalami ilmu demi maslahat umat Islam. Semangat jihad yang tinggi juga ditonjolkan apabila beliau menyertai gerakan Islam di negara Arab untuk menentang penjajahan Yahudi, British, Perancis dan Amerika Syarikat. Penglibatan ini membuktikan keberanian dan semangat juang yang tinggi menentang imperialis barat serta mempertahankan kedaulatan agama. Sifat inilah yang kemudiannya dibawa pulang ke Tanah Melayu lalu disemai dan bercambah menjadi sebuah perjuangan menentang penjajah dan memartabatkan agama serta bangsa (Tajuddin, 2006: 3-4).

Beliau yang peka dengan permasalahan orang Melayu pada ketika itu melihat bahawa kemerdekaan jiwa adalah penting dan dapat dicapai apabila orang Melayu mendapat kemerdekaan dari penjajahan British (Nabir, 1976). Penglibatan beliau dalam politik telah memberi sumbangan yang besar dan memainkan faktor penting kepada kemerdekaan Tanah Melayu. Artikel ini membincangkan mengenai usaha-usaha Sheikh Abdullah sebelum dan selepas melibatkan diri dalam politik bagi memupuk semangat kebangsaan khususnya dalam kalangan orang Melayu.

## LATAR BELAKANG SHEIKH ABDULLAH FAHIM

Nama sebenar Sheikh Abdullah ialah Abdullah bin Ibrahim bin Muhammad Tahir bin Kamaluddin. Beliau digelar Haji Abdullah Pak Him. Pak Him dalam nama gelaran beliau merujuk kepada bapanya, Tuan Guru Hj Ibrahim bin Muhammad Tahir, seorang alim al-Quran dan tinggal di Makkah dalam jangka masa yang lama. Perkataan ‘Fahim’ yang berasal daripada Bahasa Arab membawa maksud ‘orang yang faham’ (Muhammad Ayman al-‘Akītī et al., 2020: 11-12). Pandangan berkenaan tempat kelahiran Sheikh Abdullah terbahagi kepada dua. Pandangan pertama menyatakan bahawa beliau lahir di Shu’ayb ‘Ali pada tahun 1296H/1879M ketika ayahnya bermastautin ke Kota Makkah demi mendalami ilmu agama dan kemudiannya menjadi salah seorang tenaga pengajar di Masjid al-Haram. Pandangan kedua pula berpendapat bahawa Sheikh Abdullah dilahirkan di Kubur Panjang, Kedah dan mengikuti ayah beliau mengembara ke Makkah atas tujuan menuntut ilmu pengetahuan. Namun begitu, berdasarkan apa yang diperakui oleh anaknya sendiri Ahmad Badawi, ayahnya dilahirkan di Makkah dan pernah menjadi guru

al-Quran di Masjid al-Haram. Justeru dapat dikatakan bahawa pendapat pertama lebih tepat kerana fakta tersebut datang daripada anak Sheikh Abdullah yang semestinya lebih mengetahui ayahnya sendiri berbanding orang lain.

Meninjau kehidupan sehariannya dan peribadinya, Sheikh Abdullah Fahim adalah seorang yang baik hati, mesra dan begitu disenangi oleh penduduk setempat yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum. Ada dinyatakan bahawa pekedai-pekedai di sekitar Pulau Pinang biasanya berasa amat bertuah sekiranya Sheikh Abdullah Fahim masuk ke kedai mereka tetapi akan berasa bimbang sekiranya barang di kedai mereka itu dikatakannya mahal, maka alamatnya jualan pekedai itu pada hari itu akan merosot. Begitulah pula sebaliknya pekedai selalu berharap beliau akan masuk ke kedai mereka kerana kehadirannya menjadi petanda bahawa jualan mereka pada hari itu akan laris. Ini merupakan antara keistimewaan yang dimiliki oleh Sheikh Abdullah Fahim yang dianggap sebagai seorang wali dan amat dihormati oleh penduduk Pulau Pinang, terutamanya di Seberang Perai dan Kepala Batas (Sohana, 2019: 345)

Sheikh Abdullah Fahim mempunyai beberapa orang anak, antaranya Dato' Haji Ahmad Badawi yang pernah menjadi Naib Ketua Pemuda United Malay National Organization (UMNO) dan kemudiannya Naib Ketua Pemuda UMNO Malaya serta Ketua Dewan Pemuda Islam PAS. Dato' Haji Ahmad Badawi adalah bapa kepada Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 iaitu Tun Hj Abdullah Ahmad Badawi. Sheikh Abdullah Fahim sempat menyaksikan kemerdekaan Malaysia yang tercinta sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir. Dato' Haji Ahmad Badawi ada berkongsi pengalaman beliau yang dicatatkan dalam *Majalah Pengasoh*, "Ketika itu bapanya tidak sakit apa-apa, cuma malam itu beliau berasa penat-penat dan lemah, kemudian diminum segelas air. Mulutnya sentiasa menyebut nama Allah sehingga akhir hayatnya..."

Pada 27 April 1961 pada jam 8.00 pagi, Sheikh Abdullah Fahim menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika berusia 92 tahun dan jenazahnya disempurnakan di kawasan Perkuburan Masjid Jami' Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang (Muhammad Ayman al-'Akiti, 2020: 82). Setelah pemergian Sheikh Abdullah Fahim, pentadbiran Madrasah Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah diambil alih oleh Dato' Hj Ahmad Badawi. Madrasah Dairatul Ma'arif al-Wataniah yang diasaskan oleh Sheikh Abdullah Fahim di Kepala Batas, Seberang Perai Utara pada tahun 1926 M. Madrasah ini diasaskan sebelum beliau menerima jemputan dari Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak ke-27 untuk mengajar serta menjadi mudir di Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan (Nor Azam, 2010: 7) Kini, sekolah tersebut yang telah dibaik pulih masih lagi beroperasi bagi mengeluarkan para pelajar aliran agama. Namun begitu, sebagaimana sekolah agama rakyat yang lain, peranannya tidaklah begitu menyerlah jika dibandingkan dengan zaman sebelum merdeka. Walau bagaimanapun, kini ia hanya berfungsi sebagai sebuah sekolah rendah untuk pengajian al-Qur'an dan fardu ain. Sebaliknya, tugas melaksanakan pengajian agama peringkat menengah telah diambil alih oleh sebuah sekolah baru, iaitu Sekolah Menengah Agama Dairat al-Ma'arif, yang diasaskan oleh Hj. Mohd. Salleh Shafi'i, bekas anak murid Sheikh Abdullah Fahim sendiri (Fadhlullah, 1994: 574)

## KECINTAAN KEPADA ILMU

Sheikh Abdullah Fahim dibesarkan dalam persekitaran yang cintakan ilmu dan beliau mendapat didikan dan belajar dengan ramai ulama. Beliau mempunyai kepakaran dalam 15 bidang ilmu Islam. Kepakaran utama Sheikh Abdullah adalah dalam bidang falak dan kesusastraan Arab. Ilmu falak mempunyai kaitan dengan sains dan alam, manakala ilmu sastera Arab pula sinonim dengan seni dan jiwa manusia. Daripada dua bidang yang dikuasai Sheikh Abdullah, ternyata beliau memiliki ilmu yang seimbang antara jasmani dengan rohani, dunia dengan akhirat (Sohana, 2019: 344)

Semasa di Makkah, antara guru beliau ialah Muhammad Sa'di Babsail; Mufti Mazhab Syafi'I, Muhammad Sulaiman Hasbullah al-Makki dan Syed Abu Bakir Syatha. Ulama Melayu yang menjadi gurunya ialah Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, Syed Wan Ali in Abdur Rahman Kuton al-Kelantani dan Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Semasa tekun menuntut ilmu di Makkah, Sheikh Abdullah bersahabat dengan ramai tokoh ulama yang berasal dari Alam Melayu antaranya Haji Umar Sungai Keladi dari Kelantan, Haji Hasyim Ash'ari dari Jawa Timur Indonesia Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad ataupun masyhur dengan nama Tok Kenali. Selain itu, berdasarkan Ijazah Bersanad, nama guru beliau ialah Sayyid Muhammad Amin Ridhwan, Umar Bajunid, Muhammad Mukhtar al-Jawi, Sheikh As'aad, Abdul Karim Daghastani dan Abdul Rahman ad Dahlan. Mereka semua merupakan ulama Makkah dan Madinah yang terkenal dalam menguasai bidang-bidang ilmu seperti tafsir, *hadith*, *fiqh*, usuluddin dan falak (Nor Azam, 2010: 2).

Sheikh Abdullah Fahim dibesarkan di dalam keluarga serta suasana yang mengutamakan pendidikan dan pembelajaran khususnya berkaitan al-Quran. Tambahan pula, minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan sejak kecil jelas dapat kita lihat dalam kegigihan Sheikh Abdullah Fahim menuntut ilmu. Sepanjang hayat beliau, Sheikh Abdulah Fahim telah berguru dengan ramai alim ulama. Sesetengah berpendapat bahawa beliau telah mendapat bimbingan daripada kira-kira 42-45 ulama dan ada juga yang mengatakan sehingga 50 orang (Zulkiple et al., 2006: 1-5; Tajuddin & Abd Manaf, 2006: 3). Beliau mempunyai kelulusan dalam lebih daripada 15 bidang ilmu Islam. Kemahiran utama Sheikh Abdullah Fahim adalah dalam bidang ilmu falak dan kesusteraan Arab. Ilmu falak mempunyai kaitan dengan sains dan alam, manakala ilmu sastera (Arab) pula sinonim dengan seni dan jiwa manusia dalam mengharungi ranjau kehidupan. Daripada dua jurusan yang dikuasai oleh Sheikh Abdullah Fahim itu ternyata bahawa beliau memiliki ilmu yang seimbang antara jasmani dengan rohani, dunia dengan akhira (Sohana, 2019: 344).

Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu pada tahun 1916, Sheikh Abdullah Fahim terus menyumbang kepada masyarakat dengan mula mengajar di rumahnya sendiri melalui kelas pengajian yang bersifat umumi iaitu pengajian terbuka melalui kaedah pembacaan kitab di hadapan guru. Beliau dijemput untuk menjadi mudir di Madrasah al-Hamidiyah yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Wan Sulaiman bin Wan Siddiq di Limbong Kapal, Alor Setar, Kedah. Tuan Guru Wan Sulaiman merupakan antara tokoh Ulama Melayu yang baru pulang daripada Makkah dan menjadi Sheikh a-Islam di Kedah. Di samping itu, Sheikh Abdullah juga telah menjadi guru kepada Sultan Kedah, Paduka Sri Sultan Abdul al-Hamid Halim Syah Ibni al-Marhum Sultan Ahmad Taj al-Din Mukarram Shah, Sultan Kedah yang ke-26 (Muhammad Ayman al-'Akita et al., 2020: 38).

Setelah berkhidmat di Madrasah Hamidiah sehingga tahun 1925M, Sheikh Abdullah Fahim telah kembali ke Kuala Batas. Beliau menyambung semula kelas umumi yang pernah beliau jalankan dan bilangan pelajar bertambah hari demi hari. Oleh yang demikian, Sheikh Abdullah mendirikan sebuah sekolah yang dinamakan Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah. Kemudiannya, beliau telah dijemput oleh Paduka Seri Sultan Iskandar Shah ibni al-Marhum Sultan Idris Murshid al-'Azam Shah, Sultan Perak ke-30 untuk menjadi mudir di Madrasah Idrisiah di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Sheikh Abdullah meletakkan jawatan setelah berkhidmat sebagai mudir selama 17 tahun (Nor Azam, 2010: 7).

Masyarakat Melayu tempatan lebih mengenali Sheikh Abdullah Fahim sebagai seorang alim, pendidik dan pendakwah, tetapi beliau turut juga memberi sumbangan dalam bidang politik tanah air walaupun untuk masa yang singkat. Secara khususnya, beliau terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sebagai seorang mempunyai ketinggian ilmu dan mudah bergaul mesra dengan masyarakat, beliau memang peka terhadap permasalahan umat Melayu pada ketika itu. Bagi beliau umat Melayu mestilah dididik dengan pengetahuan Islam yang betul dan dibaiki nasib mereka

dari aspek sosio-ekonomi. Sehubungan dengan itu, beliau melihat bahawa kemerdekaan jiwa adalah amat penting dan hal ini hanya dapat dicapai apabila umat Melayu merdeka daripada penjajahan Inggeris. Golongan ulama dan mereka yang berpendidikan agamalah merupakan antara yang terawal yang memperjuangkan semangat untuk menuntut kemerdekaan (Nabir, 1976)

Antara ketokohan dan kesarjanaan Sheikh Abdullah Fahim yang menonjol ialah dalam bidang falak. Beliau berjaya menghasilkan jadual waktu solat, penentuan arah kiblat dan mewujudkan balaicerap bintang. Syeikh Abdullah Fahim telah menyusun jadual ini di Kuala Kangsar sewaktu beliau sedang berkhidmat sebagai mudir di Bukit Chandan. Jadual tersebut ditulis daripada tahun 1934 hingga 1948 M. Jadual ini disusun seolah-olah menunjukkan bahawa tempoh jawatan beliau akan berakhir pada tahun 1948. Ternyata benar bahawa mulai tarikh 1 April 1948, Syeikh Haji Zubair bin Haji Ahmad menggantikan Syeikh Abdullah Fahim. Ini menjelaskan Sehikh Abullah Fahim berupaya meramalkan kejadian beliau dan Sheikh Tahir Jalaluddin akan diusir keluar dari Bukit Chandan akibat fitnah Residen Inggeris yang menghasut Sultan Iskandar kononnya baginda akan digulingkan sedangkan para ulama yang berhimpun di Istana Hulu adalah untuk membincangkan draf “Undang-undang 99” Perak yang bertunjangkan hukum syari’ah Islam (Nor Azam, 2010: 9-12).

## INSPIRASI PERJUANGAN

Salah seorang guru kepada Sheikh Abdullah Fahim ialah Sheikh Wan Ahmad Al-Fatani yang digelar *Sibawayh Saghir* oleh ulama Makkah dek kerana kedalamannya ilmu bahasa Arab yang dimiliki beliau (Wan Mohd Shaghir, 2005: 93). Kemahiran beliau dalam menulis syair, nazam Arab dan bidang falak tidak diwarisi oleh kebanyakan anak murid Sheikh Ahmad melainkan Sheikh Abdullah (Wan Mohd Shaghir, 2009: 3). Selain mempunyai hubungan yang akrab dengan sultan-sultan Kepulauan Melayu, beliau juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan Abdul Hamid II, iaitu Sultan Uthmaniyyah sehingga diberi kepercayaan oleh ulama Makkah untuk mewakili mereka dalam persidangan di Istanbul (Wan Mohd Saghir, 1995). Pada tahun 1290H/1873M Sheikh Ahmad telah mengasaskan Jam'iyyah al-Fataniyyah yang bertujuan untuk menghimpunkan ulama-ulama serta cendekiawan yang berasal daripada Kepulauan Melayu dan memberikan kesedaran kepada mereka untuk membebaskan diri dan bangsa daripada penjajah apabila pulang ke tanah air. Meskipun tempat tertubuhnya persatuan ini di Makkah, namun ia merupakan persatuan pertama yang memperjuangkan semangat kebangsaan di Semenanjung dan Kepulauan Melayu.

Antara jasa terbesar Jam'iyyah al-Fataniyyah adalah menghidupkan dan memberi tumpuan kepada pengajian turath Islam dengan mengusahakan penerbitan ktiab-kitab. Penulisan kita-kitab jawi yang sebelum ini ditulis tangan diberi nafas baru melalui percetakan serta disebar luas (Norziat, 2018). Hal ini bermula daripada penelitian Sheikh Ahmad kepada kepesatan teknologi percetakan di serata Tanah Arab (Wan Mohd Shaghir, 2005: 149). Dalam menjayakan usaha murni ini, Sheikh Ahmad sendiri terlibat dalam gerak kerja dengan menjadi pentashihnya. Beliau telah menggariskan beberapa kaedah penulisan Jawi agar menjadi lebih teratur dan seragam (*Hadiqat al-Azhar*). Hasil daripada usaha ini, perkembangan ilmu semakin meluas lebih lebih lagi dalam kalangan bangsa Melayu. Selain itu, ia juga mengukuhkan bahasa Melayu dalam penulisan Jawi sebagai bahasa penyatuhan bagi orang Melayu di kepulauan dan semenanjung (Wan Mohd Shaghir, 1998: 155).

Kebanyakan anak murid Sheikh Ahmad merupakan ulama Asia Tenggara pada hujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Mereka ini adalah rakan seperguruan Sheikh Abdulah dan tokoh yang berpengaruh di tanah air masing-masing. Antara anak murid Sheikh Ahmad ialah Qadi Abu Bakar bin Haji Hasan Muar, Sheikh Muhammad Sa'id al-

Lingga, Tok Kenali, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani dan Haji Muhammad Nur. Pertubuhan-pertubuhan yang diusahakan oleh anak murid Sheikh Ahmad mewarisi keilmuan dan semangat juang yang disemai oleh beliau. Sebagai contoh, anak murid Sheikh Ahmad yang berada dalam Ahli Mushawarah Kesultanan Riau – Lingga telah menubuhkan Rusydiyyah Kelab pada 1880M dan Jam'iyyah al-Khairiyah pula tertubuh pada beberapa tahun kemudian iaitu 1907M. Selain itu, Tok Kenali pada 1915M telah menubuhkan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Akhir sekali, pertubuhan yang kekal sehingga hari ini serta merupakan persatuan Muslim terbesar di dunia Nahdlatul Ulama yang diasaskan oleh Haji Kiyai Hashim al-Ash'ari. Berlatarbelakangkan didikan dan inspirasi yang hebat inilah Sheikh Abdullah menggerakkan masyarakat melalui cara beliau dalam menentang penjajah (Muhammad Ayman al-'Akiti et al., 2020: 33).

Sebagai seorang ulama yang terkenal, Sheikh Abdullah Fahim menjadi rujukan kepada rakan-rakannya di Indonesia iaitu Hassan Bandung dan juga Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Dalam majlis muzakarah, seminar dan seumpamanya mereka menjadikan Sheikh Abdullah Fahim sebagai pakar rujuk untuk mendapatkan fatwa dan pendapat berhubung dengan kemosykilan hukum-hakam Islam, terutamanya permaslahan yang tidak terdapat dalam al-Quran dan hadith seperti pendapat daripada para ulama dan mazhab-mazhab atau ijihad. Begitu juga jika terdapat pemimpin atau sultan yang meminta nasihat daripadanya, Sheikh Abdullah Fahim akan mengingatkan mereka supaya menjadi pemerintah yang adil dan tidak melanggar perintah Allah, khususnya pejuang tanah air diingatkan agar tidak menggunakan kuasa untuk menindas bagi membina kekayaan untuk diri sendiri dan keluarga. Manakala kepada alim-ulama allahyarham sering mengingatkan mereka agar berkata benar walaupun pahit (Moktar, 1997: xii)

## SUMBANGAN DALAM PENDIDIKAN

Peristiwa di mana Sheikh Abdullah Fahim dilantik sebagai guru agama kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah merupakan salah satu daripada tanda aras pencapaian beliau dalam bidang pendidikan. Sepanjang empat tahun di Kedah, Sheikh Abdullah telah mendalami bahasa Melayu kerana beliau lebih mahir berbahasa Arab kerana dibesarkan di Makkah. Kebolehan berbahasa yang dimiliki Sheikh Abdullah amat hebat menyebabkan beliau mampu menyesuaikan diri dengan situasi setempat khususnya berkenaan dengan adat-istiadat dan budaya setempat (Sohana, 2019: 345-346). Antara anak murid Sheikh Abdullah yang masyhur di Kedah ialah Tuan Haji Salleh bin Samsuddin; seorang guru di Maktab Mahmud, Alor Setar dan juga merupakan bapa kepada Tan Sri Datuk Haji Sheikh Muhsin, Mufti Wilayah Persekutuan. Selain itu, Tuan Haji Salleh Othman, Pengarah Pendidikan Agama. Datuk Sheikh Andul Halim Othman, Pengetua Maktab Mahmud dan Pendaftar Mahkamah Syariah Kedah (Nor Azam, 2010)

Pada tahun 1925, setelah berkhidmat di Kedah, Sheikh Abdullah kembali ke kampungnya di Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau meneruskan kelas pengajian di anjung rumahnya dan menerima jumlah pelajar yang ramai. Justeru, Sheikh Abdullah menubuhkan madrasah yang dinamakan Dairat al-Maarif al-Wataniyyah yang terletak di sebelah Masjid Jami' Badawi, Kepala Batas. Maksud nama pondok tersebut adalah *Daerah Para Bijaksana Tanah Air*. Pemilihan nama ini menggambarkan pemikiran Sheikh Abdullah Fahim yang ingin melahirkan cendekiawan agung yang mempunyai ilmu serta dapat menabur bakti kepada masyarakat dan tanah air. Madrasah Dairat al-Maarif al-Wataniyyah mempraktikkan sistem pengajaran yang menggabungkan sistem *nizami* dan *umumi*. Sistem *umumi* bersifat terbuka dan diadakan dengan jumlah pelajar yang ramai hingga mencecah ratusan orang dan pelajar datang dari sekitar Kepala Batas, Patani dan juga Indonesia. Kelas *umumi* biasanya diadakan selepas waktu maghrib dan subuh.

Sistem *nizami* pula adalah pembelajaran yang lebih moden dan dilakukan secara teratur di dalam kelas. Dari segi prasarana, terdapat lebih 100 buah pondok dikeliling madrasah tersebut dan pernah merekodkan jumlah pelajar sehingga mencecah 1500 orang pada satu-satu masa (Muhammad Ayman al-'Akita et al., 2020: 41).

Sheikh Abdullah Fahim bertanggungjawab mengatur kurikulum dan perjalanan sehariannya para pelajarnya Madrasah Idrisiah. Kelas dimulakan pada jam 7.30 pagi dan tamat pada 4.30 petang, selepas tamat solat Isya', pelajar diwajibkan mengulang kaji sehingga jam 10.30 malam. Para pelajar bercuti pada setiap hari Khamis dan Jumaat, cuti panjang sepanjang ulan Ramadan. Kebiasaan pelajaran di madrasah tersebut mengambil masa selama sembilan tahun, bermula dari darjah 1 hingga darjah 6, dan 3 tahun kelas peringkat tinggi iaitu 7 Alif, 7 Ba dan 7 Ta. Peperiksaan pula diadakan setiap enam bulan sekali (Zulkiple et al., 2006: 10). Dalam mengatasi masalah kekurangan guru, Sheikh Abdullah memperkenalkan sistem 'Kepala Mutala'ah', iaitu pelajar senior yang berkebolehan akan dipilih untuk mengikuti pengajian secara mendalam, kemudian mereka akan membimbangi pelajar junior dengan sedikit bayaran. Sistem Kepala Mutala'ah ini juga diguna pakai di Madrasah Dairat al-Maarif al-Wataniyyah (Zulkiple et al., 2006: 53).

Pendekatan yang digunakan Sheikh Abdullah Fahim dalam meyusun atur kehidupan sehariannya pelajar madrasah memperlihatkan penekanan terhadap disiplin dan sahsiah pelajar. Beliau menggunakan pendekatan yang kreatif dalam menyelesaikan masalah berkenaan pengurusan madrasah, ini semua adalah demi mengangkat dan melahirkan masyarakat yang berilmu. Usaha beliau dalam mendidik anak bangsa dilanjutkan dengan penglibatan beliau dalam menubuhkan institusi pengajian tinggi yang diberi nama Kulliyah Iskandar. Kulliyah ini didirikan pada tahun 1940M dari hasil tabung yang dilancarkan pada penghujung 1930an. Institusi ini diletakkan di bawah tanggungjawab Sheikh Hasan bin Sa'id al-Yamani dengan harapan Kulliyah ini dapat menyediakan pendidikan tinggi khususnya kepada pelajar Madrasah Idrisiah. Namun begitu, institusi ini ditutup selepas setahun berjalan akibat daripada Perang Dunia Kedua begitu Madrasah Idrisiah tetap kekal dan dikenali sebagai Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar (Zulkiple et al., 2006: 14).

Sepanjang berkhidmat di Madrasah Idrisiah, Sheikh Abdullah Fahim telah melahirkan ramai tokoh besar Perak antaranya Tuan Haji Sha'aya bin Abdul Majid, Mufti Perak (1957-1963), Tuan Haji 'Abdul al-Qahhar Qadi Teluk Intan. Dato' Haji Abu Hasan @Abu Hasan Asy'ari Abdul Majid, Mufti Perak (1963-1977) dan mudir kelima Madrasah Idrisiah, Orang Kaya-kaya Imam Paduka Dato' Seri Haji Sheikh Abdullah Malik bn Haji Nordin, Mufti Perak (1981-1985). Setelah meletakkan jawatan sebagai mudir, Sheikh Abdullah Fahim telah ditawarkan untuk menjadi Mufti Pulau Pinang dan beliau memegang jawatan tersebut selama lima tahun.

## PERJUANGAN DALAM POLITIK

Kembalinya British selepas Perang Dunia Kedua telah menyemarakkan perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu. Ini kerana, British bercadang untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai salah satu Tanah Jajahan Mahkota British dengan nama 'Malayan Union' pada Januari 1946M (Ramlah, 2004: 85). Perkara ini meyemarakkan api penentangan seluruh orang Malaysia dan istilah 'kebangsaan' mula muncul dalam pelbagai siaran bercetak dan radio serta pidato umum. Tunjuk perasaan diadakan di semua bandar utama di Tanah Melayu. Orang Melayu di bawah kepimpinan Dato' Onn Jaafar telah memecahkan tembok kenegerian dalam menentang Malayan Union dan berjaya mengatur Kongres Melayu Pertama yang telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada Mac 1946M (Ramlah, 1994: 93).

Demi semangat cintakan bangsa dan tanah air, Sheikh Abdullah Fahim pernah merayu supaya orang Melayu berpegang teguh dengan semangat perpaduan ummah dan bersatu padu dalam satu kesatuan bangsanya. Beliau juga sering menasihatkan orang Melayu supaya menjauhkan diri daripada golongan yang mengeluarkan hukum-hakam yang tidak selari dengan Mazhab Shafie dan terkeluar daripada Mazhab Ahli Sunah Waljamaah. Beliau sangat berharap mana-mana puak atau kumpulan yang berselisih pendapat mengenai sesuatu perkara atau permasalahan agama supaya mengambil jalan perdamaian dan kembali bersatu agar perbalahan yang kecil tidak menjadi perpecahan yang besar serta memudararatkan kesatuan agama serta bangsa (Sohana, 2019: 348).

Di samping itu, Sheikh Abdullah Fahim juga menekuni ilmu politik Islam dan antarabangsa. Ini menunjukkan keterbukaan minda Sheikh Abdullah Fahim dalam mendalami ilmu demi maslahat umat Islam. Semangat jihad yang tinggi juga telah ditonjolkan oleh Sheikh Abdullah Fahim apabila beliau menyertai gerakan Islam di negara arab untuk menentang penjajahan Yahudi, Inggeris, Perancis dan Amerika Syarikat. Penglibatan beliau ini membuktikan keberaniaan dan semangat juang yang tinggi menentang imperialis barat serta mempertahankan kedaulatan agama. Sifat inilah yang kemudiannya dibawa pulang ke Tanah Melayu lalu disemai dan bercambah menjadi sebuah perjuangan menentang penjajah dan memartabatkan agama serta bangsa (Tajuddin & Abd Manaf, 2006: 3-4).

Sheikh Abdullah telah menubuhkan UMNO cawangan Seberang Perai dan menjadi ahli UMNO pertama Pulau Pinang ketika Dato Onn Jaafar melawat rumahnya di Kepala Batas. Berikutan itu, Seberang Perai telah menjadi ‘kubu UMNO yang perkasa’. Madrasah Dairat al-Maarif al-Wataniyyah yang diselia oleh Sheikh Abdullah Fahim menjadi saksi kepada perhimpunan pelbagai tokoh politik dan keputusan-keputusan besar berkenaan negara diputuskan (Zulkiple et al., 2006: 63). Ulama telah memainkan peranan yang besar dalam UMNO, ini kerana para pemimpin UMNO telah menjadikan para alim ulama sebagai tempat meminta nasihat tentang perkara yang berkaitan agama Islam. Pada 16 Julai 1949M, Jawatankuasa Kerja Agung UMNO telah menubuhkan satu jawatankuasa tetap untuk menjadi penasihat agama Islam yang Sheikh Abdullah merupakan pengurusnya (Ibrahim, 1981: 291).

Persidangan Alim Ulama Umno kali pertama telah diadakan di Muar, Johor pada 21-23 Februari 1950M. Persidangan tersebut bertujuan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Islam dan langkah-langkah memajukan Islam di Tanah Melayu (Ramlah, 1994: 182-183). Persidangan kali kedua berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951M yang menjadi penyebab tertubuhnya Parti Ulama Se-Malaya (Ramlah, 1994: 184). Pada 24 November 1951M, Persidangan Alim Ulama kali ketiga diadakan di Bagan Tuan Kecil, Seberang Perai dan dalam persidangan ini nama pertubuhan yang diwakili para alim ulama ini diubah kepada Persatuan Islam se-Malaya (PAS) (Salahuddin, 2010: 24). Pada 18 November 1956M, sebuah perjumpaan ulama telah diadakan di Sungai Sumun, Perak bagi menubuhkan Parti Nahdlatul Ulama Malaya (NA'AM). Perjumpaan tersebut berjaya menubuhkan NA'AM bersama Ustaz Abu Bakar Hamzah sebagai Yang Dipertua dan Haji Ahmad Fuad Hasan menjadi Timbalan Yang Dipertua. Haji Ahmad Fuad Hasan telah memujuk Sheikh Abdullah untuk meninggalkan UMNO, namun ditolak oleh Sheikh Abdullah kerana tidak mahu memecahbelahkan orang Melayu (Muhammad Ayman al-'Akiti et al., 2020: 64-66).

Pada peringkat awal perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan, penduduk berbangsa lain masih tidak bersama-sama orang Melayu. Pada tahun 1951M, Dato Onn mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada bangsa lain supaya mereka dapat diasimilasikan dengan kehendak dan kerangka politik Melayu. Namun begitu, rata-rata ahli UMNO mahukan kemerdekaan Tanah Melayu diberikan kepada bangsa Melayu sahaja (Ramlah, 1994: 219). Setelah mendengar syarat kemerdekaan Tanah Melayu yang diberikan pihak British, Sheikh Abdullah telah memberi nasihat penting kepada Tunku Abdul Rahman dan pimpinan UMNO yang mengunjungi rumah beliau, iaitu jalan

terbaik menuntut kemerdekaan adalah ketiga-tiga bangsa Melayu, Cina dan India harus bersatu. Oleh itu, kerjasama telah dijalankan secara tidak rasmi antara UMNO dan Pertubuhan Cina Malaya (MCA). Kerjasama ini telah menghasilkan kejayaan memenangi Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952. Selepas itu, pada tahun 1955 kerjasama rasmi telah dijalankan dan menjadi Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan Kongres India Malaya (MIC) (Muhammad Ayman al-'Akiti et al., 2020: 67) Idea kerjasama ini merupakan satu titik tolak penting dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.

## PENASIHAT KEMERDEKAAN

Sebelum Tunku Abdul Rahman Putra berangkat mengetuai rombongan ke London untuk berunding tentang tuntutan kemerdekaan, Tunku mengunjungi dan meminta nasihat daripada Sheikh Abdullah yang merupakan Mufti Pulau Pinang pada ketika itu. Sheikh Abdullah menasihatkan Tunku untuk mengusulkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, cadangan ini berdasarkan kepakaran beliau dalam ilmu falak. Sekiranya tarikh tersebut tidak tercapai maka hendaklah menunggu 5 tahun lagi iaitu pada 31 Ogos 1962. Menurutnya tahun-tahun sebelum 1962 adalah tidak baik untuk orang Melayu mengisyiharkan kemerdekaan. Sardon Jubir, Ketua Pemuda UMNO ketika itu menyatakan dengan lantang sekiranya British tidak bersetuju dengan tarikh 31 Ogos 1957 tersebut, maka mereka akan bertindak merampas kuasa daripada British. Namun begitu, Sheikh Abdullah tidak bersetuju dengan cadangan Pemuda UMNO untuk merampas kuasa sebaliknya menyatakan sekiranya British tidak menjanjikan kemerdekaan sebelum 31 Ogos 1962, maka ketika itu langkah yang seterusnya perlu diambil. Ini jelas menunjukkan Sheikh Abdullah cukup berhemah dalam tindakan dengan kepakaran ilmu falak yang dimilikinya (Muhammad Ayman al-'Akiti et al., 2020: 75).

Melihat kepada konteks tersebut, dapat kita fahami bahawa Sheikh Abdullah Fahim tidak menyarankan penentangan yang bersifat revolusi, radikal dan kekerasan. Bahkan beliau menyarankan agar kaedah perundingan politik dijadikan satu orientasi bagi menyelesaikan sebarang pertelingkahan dengan pihak British. Naratif politik yang berlaku antara Tunku, Sardon dan rombongannya dengan Sheikh Abdullah ini merupakan satu titik besar dalam sejarah pemikiran politik Melayu pra kemerdekaan 1957. Dalam naratif ini, terdapat dua aspek penting yang wajar diberi perhatian. Ahli politik UMNO memahami kepentingan dan kedudukan Islam, mereka memanfaatkan ulama dengan meminta petunjuk dan nasihat agar perjuangan mereka berada di landasan yang betul. Ia menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang baik antara ahli politik dan ulama pada zaman pra kemerdekaan. Perkara ini dapat dilihat melalui peristiwa di mana Tunku meminta nasihat Sheikh Abdullah dalam membuat keputusan mengenai negara.

Komitmen pemimpin politik dari UMNO terhadap nilai Islam tetap utuh dalam aspek yang fundamental walaupun berlata belakangkan pendidikan Barat. Biarpun seperti sedia maklum bahawa kebanyakan ahli politik Melayu berasal daripada keluarga bangsawan dan gaya hidup mereka telah dipengaruhi gaya dan cara hidup British samada dari sudut pemikiran dan pendidikan. Namun dalam aspek yang penting ini kesanggupan mereka mendengar dan mendapatkan nasihat dari seorang ulama adalah satu perkara yang menunjukkan bahawa Islam dan ulama merupakan elemen yang turut berperanan dan mendapat tempat dalam proses mendapatkan kemerdekaan. Titik ini juga merupakan satu paparan sejarah betapa pemikiran politik Melayu pra kemerdekaan sama sekali tidak menyisihkan nilai dan citra Islam biarpun konteks masa dan era tersebut sedang berada dalam kemelut pembaratan dan penjajahan (Ramlah, 2004).

Kedua, nasihat Sheikh Abdullah Fahim sebagai seorang ulama agar konsep perundingan menjadi asas kepada garis besar haluan negara diikuti oleh pihak parti UMNO. Kesabaran dan profesionalisma yang ditonjolkan oleh ahli politik dalam rundingan kemerdekaan menunjukkan betapa nasihat itu disemat dan dijadikan nadi perjuangan

menuntut kemerdekaan. Perkara ini dapat dilihat jelas daripada kemerdekaan yang tercapai tanpa ada sebarang pertumpahan darah yang berlaku. Tiada pemberontakan yang radikal dan bersenjata berlaku. Ternyata nasihat Sheikh Abdullah Fahim itu benar apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

## KESIMPULAN

Semangat kebangasaan yang dipupuk oleh Sheikh Abdullah Fahim merupakan inspirasi daripada guru dan sahabat seperguruan beliau yang tekad untuk menentang penjajahan dan memerdekakan tanah air. Medan pendidikan dijadikan wadah awal untuk menyemai perasaan cinta akan negara. Ini kerana mengikut beliau, masalah yang dihadapi oleh orang Melayu pada ketika itu dapat diselesaikan dengan mendidik masyarakat dan menuntut kemerdekaan atas usaha sendiri. Justeru, Sheikh Abdullah mengetengahkan ilmu sebagai paksi perjuangan beliau apabila madrasah Dairat al-Maarif al-Wataniyyah yang melalui namanya sahaja sudah menggambarkan sebuah visi pembinaan modal insan yang lengkap dengan keilmuan dan semangat patriotik. Dalam masa yang sama, nilai lain seperti disiplin dan pemantapan sahsiah juga diberi perhatian melalui penilitian kurikulum yang disediakan oleh beliau ketika menjadi mudir Madrasah Idrisiah. Idea politik yang diperaktik oleh Sheikh Abdullah juga terlihat begitu rapi dan tersusun. Pada peringkat permulaan, Sheikh Abdullah memberi penekanan kepada betapa pentingnya bangsa Melayu untuk bersatu sebagai sebuah entiti yang digeruni serta memperlihatkan sifat kepimpinan mengikut garis panduan Islam. Kesatuan dalam bangsa perlu dimantapkan agar mudah mencapai kata sepakat dan kesefahaman. Fasa seterusnya adalah dengan menjalankan hubungan politik dengan bangsa lain. Ini untuk memastikan tidak berlaku pertelingkahan antara bangsa yang akan menyebabkan kerugian kepada semua pihak. Tidak dilupakan juga nasihat Sheikh Abdullah Fahim yang menegaskan bahawa proses menuntut kemerdekaan perlu berlaku dalam harmoni melalui rundingan dan perbincangan bukan melalui revolusi radikal serta bersenjata.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2016). *Perlembagaan Malaysia: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Chamil Wariya. (2004). *Sheikh Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik Perdana Menteri Ke-5*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Fadhlullah Jamil. (1994). Dairat al-Ma'rif al-Wataniyyah. Dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (hlm. 573-574). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnor Azli Ibrahim. (2016). Pengaruh Ilmu Tanjim dalam Pemerintahan Abbasiyyah dan Kesannya dalam Perkembangan Ilmu Falak. *Jurnal Falak*. 2, 15-32.
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd Fadli Ghani. (2019). *PAS 1951-1957 Penubuhan, Dinamisme Organisasi, Kepimpinan dan Ideologi*. Batu Caves: KUIZM Publications.
- Mokhtar Petah. (1997). *Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos '57*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Muhammad Ayman al-'Akita, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin. (2020). *Shaykh 'Abdu'l-lah Fahim: 'Ulama' Ahl al-Sunnah wa al-Jama'aah dan Perjuangan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Nabir Abdullah. (1976). *Ma'ahad al-Ihya' al-Syarif Gunong Semoggol*. Projek Ilmiah Sarjanamuda tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Azam Mat Noor. (2010). *Warisan Falak Sheikh Abdullah Fahim*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulai Pinang.
- Ramlah Adam. (2004). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslan Saadon. (2009). *Gagasan Nasionalisme Melayu Raya: Pertumbuhan dan Perkembangan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Sohana Abdul Hamid. (2019). *Sheikh Abdullah Fahim: Seorang Ulama Dinamis*. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3, hlm. 343-351
- Tajuddin Saman & Abd. Manaf Haji Ahmad. (2006). *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1995). *Syeikh Ahmad al-Fatani: Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik ke arah Dunia Moden*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1998). *Hadiqatul Azhar War Rayahin: Asas Teori Takmilah Sastera Melayu Islam Jilid 1*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2005). *Syeikh Ahmad al-Fatani: Pemikir Agung Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Persatuan Sejarah Malaysia.
- Zulkiple Abd. Ghani, Othman Talib, Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari. (2006). *Sheikh Abdullah Fahim Ulama Melayu Progresif*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.